

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BT. SURIP [MERBOK]

SOALAN

PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bila Akta Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 akan dipinda untuk menetapkan 18 sebagai umur minima berkahwin, dan sementara waktu sama ada polisi atau SOP telah diperkenalkan untuk menghentikan perkahwinan sivil di bawah umur 18 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Jabatan Peguam Negara (AGC) telah menjalankan penelitian terperinci terhadap cadangan pindaan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] bagi menaikkan had umur pendaftaran perkahwinan kepada 18 tahun.

Hasil penelitian mendapati bahawa tiada keperluan untuk meminda peruntukan berkaitan had umur pendaftaran perkahwinan di bawah Akta 164 kerana peruntukkan sedia ada telah menetapkan dengan jelas had umur minimum pendaftaran perkahwinan bagi lelaki dan wanita iaitu 18 tahun. Dalam hal ini, pengecualian hanya diberikan kepada wanita berumur 16 dan 17 tahun, yang mana perkahwinan boleh didaftarkan sekiranya mereka mempunyai kebenaran dalam bentuk lesen daripada Ketua Menteri/Menteri Besar.

Mekanisme kawalan terhadap pengecualian tersebut dilaksanakan melalui penambahbaikan prosedur pengendalian standard (SOP) yang sedang dalam tindakan untuk dimuktamadkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).